

KPDNHEP Beaufort jamin akan terus jalankan operasi

Published on: Sunday, March 29, 2020

By: Ahmad Apong



PENGUATKUASA menjalankan pemeriksaan petrol dan diesel.

BEAUFORT: Orang ramai di daerah ini tidak perlu bimbang mengenai harga barangan ketika ini, Kementerian Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) memberi jaminan.

Ketua Cawangan KPDNHEP Beaufort, Fikri Lai Abdullah berkata kementerian itu akan terus menjalankan operasinya untuk memastikan bekalan, khususnya barang keperluan asas, sentiasa mencukupi.

Beliau mengulas mengenai kebimbangan kebanyakan pengguna di daerah itu jika peniaga menaikkan harga barang dan bekalan tidak mencukupi ketika penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) sehingga 14 April depan.

"Kami mengucapkan terima kasih kepada pengguna yang menyuarakan dan menyampaika maklumat aduan menerusi Facebook dan berikutan itu kami akan terus bergerak dan menjalankan pemeriksaan.

"Sehingga ke hari ini, kami mendapati semua premis telah mematuhi Akta Kawalan Harga dan Anti Pencatutan, dan selama operasi hanya dua premis sahaja yang dikompaun kerana menggunakan alat timbang tidak sah dan tidak meletakkan tanda harga.

"Di Menumbok, kami mendapati terdapat empat premis mengalami kekurangan bekalan GMT (gula, minyak masak dan tepung gandum) dan beras, namun berdasarkan maklumat bekalan baharu akan sampai pada minggu depan," katanya dalam satu kenyataan pada Sabtu.

Menurut beliau, bekalan petrol, diesel dan Liquid Petroleum Gas (LPG) di daerah itu habis pada 26 Mac lepas, dan penghantaran bekalan hanya akan dibuat pada awal April oleh syarikat dilantik memandangkan kuota untuk bulan Mac telah habis.

"Begitu juga di Sipitang, walaupun tidak berlaku pembelian panik, namun barang kawalan dan GMT kehabisan sejak 23 Mac lalu dan penghantaran akan dibuat seawal April.

"Situasi ini berlaku kerana pembekal agak terlewat menghantar bekalan berikutan masalah seperti kekurangan kakitangan dan sekatan-sekatan jalan yang dikuatkuasakan susulan pelaksanaan PKP," katanya.

<http://www.dailyexpress.com.my/news/149768/kpdnhep-beaufort-jamin-akan-terus-jalankan-operasi/>

